

PM lancar Kursi Noordin Sopiee

GEORGETOWN: Calon untuk menduduki Kursi Noordin Sopiee bagi Kajian Global di Universiti Sains Malaysia (USM) akan diisi secepat mungkin selepas dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, hari ini.

Naib Canselor USM, Prof Datuk Dzulkipli Abdul Razak, berkata pencarian calon paling sesuai dan layak sedang dibuat serta seterusnya diumumkan dalam tempoh terdekat.

"Kita ada pilihan yang agak terbuka memilih calon paling berkualiti menduduki kursi itu. Apabila calon dipilih ia akan dirujuk kepada Perdana Menteri dan ahli keluarga Allahyarham Tan Sri Dr Noordin Sopiee," katanya pada sidang media di Pusat Pengajian Seni di sini, semalam. Hadir sama Pengerusi yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik (Isis), Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan.

Kursi itu ditubuhkan dengan ker-

jasama Isis bertujuan mengenang sumbangan intelektual Noordin yang pernah memegang jawatan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif institut itu.

Noordin, 61, yang meninggal dunia pada 29 Disember tahun lalu juga pernah menjadi Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP).

Kursi itu akan dilancarkan Perdana Menteri pada lawatan kerja dua hari ke Pulau Pinang di Dewan Budaya USM, hari ini.

Dzulkipli berkata, beberapa tokoh terkenal termasuk bekas Menteri Luar Thailand, Dr Surin Pitsuwan dan beberapa sarjana lain dicadangkan menduduki kursi itu untuk menjalankan penyelidikan.

Selepas pelancaran kursi itu, satu forum khas mengenai sumbangan Noordin akan diadakan yang disertai ahli panel termasuk Ketua Pengarang Kumpulan NSTP, Datuk Hishamuddin Aun.



DALAM KENANGAN: Mohamed Jawhar (kanan) bersama Dzulkipli melihat potret Allahyarham Noordin Sopiee di USM, semalam.